

Kaedah Periwiyatan *Asbab al-Nuzul* dalam *Tarjumān al-Mustafid*

Nazori Ab Rahman¹, Mohd Nazri Ahmad² & Wan Nasyrudin Wan Abdullah³
 Email: ¹arifaie70@gmail.com, ²m_nazri@ukm.edu.my, ³tokwedin@ukm.edu.my

¹Calon Sarjana Pusat Kelestarian Turath Islam FPI UKM

²Pensyarah Kanan di Pusat Kelestarian Turath Islam FPI UKM

³Pensyarah Kanan di Pusat Kelestarian Turath Islam FPI UKM

Abstrak

Tarjumān al-Mustafid adalah tafsir berbahasa Melayu pertama yang dihasilkan pada abad ke 17 oleh ulama Nusantara iaitu *Shaykh* ^c*Abdul Rauf*. Pentafsiran *Tarjumān al-Mustafid* berasaskan metode *tahlīlī* dan *ijmālī*. Intipati pentafsiran merangkumi terjemahan dan tafsiran ayat, perbahasan *qirāat*, hukum *nāsikh* dan *mansūkh*, riwayat *Isrāilliyāt* serta nukilan *Asbāb al-Nuzūl*. Begitu pun, periwiyatan *Asbāb al-Nuzūl* mendominasi sebahagian besar daripada tafsir ini. Oleh itu, satu kajian terhadap *Asbāb al-Nuzūl* dilakukan untuk mengenal pasti ketokohan dan metode pengarang dalam menukulkan riwayat *Asbāb al-Nuzūl*. Kajian ini berasaskan metode penyelidikan kualitatif dengan pendekatan analisis kandungan terhadap sumber primer iaitu *Tarjumān al-Mustafid* dan sumber sekunder lain. Data-data kajian dianalisis secara deskriptif. Hasil kajian mendapati *Shaykh* ^c*Abdul Rauf* merujuk pelbagai karya tafsir berbahasa Arab dalam menukulkan riwayat-riwayat *Asbāb al-Nuzūl*. Namun begitu pengarang berjaya menyerlahkan ketokohnya dengan mempelbagaikan teknik dan metode periwiyatan *Asbāb al-Nuzūl*. Kajian mendapati riwayat-riwayat *Asbāb al-Nuzūl* bersumber pelbagai karya yang berautoriti namun diolah dengan bijak justeru membuktikan keilmuan dan ketokohan beliau dalam bidang tafsir dan terjemahan al-Quran.

Kata Kunci: *Shaykh* ^c*Abdul Rauf*, *Tarjumān Al-Mustafid*, *Asbāb al-Nuzūl*, *Riwayat*

Methods of *Asbab al-Nuzul*'s Narration in *Tarjumān al-Mustafid*

Abstract

Tarjumān al-Mustafid is the first Malay-language interpretation produced in the 17th century by the Nusantara scholar *Shaykh* ^c*Abdul Rauf*. Interpretation of *Tarjumān al-Mustafid* is based on *tahlīlī* and *ijmālī* methods. The contents of interpretation including translation and interpretation of verses, *qirāat* debate, *nāsikh* law and *mansūkh*, the narration of *Isrāilliyāt* and the recitation of *Asbāb al-Nuzūl*. Furthermore, the narration of *Asbāb al-Nuzūl* dominates this interpretation. Thus, a study of *Asbāb al-Nuzūl* was conducted to identify the author's characteristics and methodology to illustrate the history of *Asbāb al-Nuzūl*. This study was using qualitative research method of content analysis that includes a primary source which is *Tarjumān al-Mustafid* and other secondary sources. The data was analyzed in a descriptive manner. The findings showed that *Shaykh* ^c*Abdul Rauf* had referred to various Arabic-language interpretations in citing *Asbāb al-Nuzūl*'s content. However, the author succeeded in highlighting his character by diversifying the techniques and methods in revising *Asbāb al-Nuzūl*. The implications of the study showed that the history of *Asbāb al-Nuzūl* was derived from a variety of authoritative works but was carefully crafted to prove his scientific and fundamental characteristic in the field of interpretation and translation of the Qur'an.

Keywords: *Shaykh* ^c*Abdul Rauf*, *Tarjumān al-Mustafid*, *Asbāb al-Nuzūl*, *Narration*

1. Pengenalan

Pentafsiran al-Quran merupakan satu gagasan ilmu yang penting untuk membongkar rahsia dan keistimewaan al-Quran. Ilmu *Asbāb al-Nuzūl* berperanan untuk mengelak pentafsiran al-Quran dari penyelewengan. Perbahasan *Asbāb al-Nuzūl* menjadi tumpuan para ulama dalam membuat kajian dan penelitian. Antara ulama yang menjadikan *Asbāb al-Nuzūl* sebagai subjek kajian ialah al-Imam ^cAlī bin al-Madinī (324H) melalui karyanya *Asbāb al-Nuzūl*, al-Imam Ibnu Jawzī (468H) dalam karyanya *Asbāb al-Nuzūl*, al-Imam Ibn Hajar al-^cAsqalanī (825H), al-^cUjāb fī *Bayān al-Asbāb* dan al-Imam al-Suyūfī (911H) *Lubāb al-Nuqūl fī Asbāb al-*

Nuzūl (al-Hilālī & Nasr 2003; al-Zarqānī 1988). Antara ulama Nusantara yang mendokumentasikan *Asbāb al-Nuzūl* dalam tafsir mereka adalah Shaykh [◦]Abdul Rauf dalam *Tafsir Tarjumān al-Mustafīd*, Muhammad Sa[◦]id bin Umar dalam *Tafsir Nurul Ehsan*, Prof. Hamka dalam *Tafsir al-Azhar*, Ahmad Sonhadji dalam *Tafsir [◦]Abr al-Athīr* dan Muhammad Quraish Shihāb dalam *Tafsir al-Misbāh*. Menurut al-Wahidi (1996) sebagaimana yang dipetik oleh Irma Riyani & Yeni Huriani (2017), cara untuk mengetahui *Asbāb al-Nuzūl* adalah bersumberkan jalan periwayatan sahaja. Periwayatan yang diterima adalah periwayatan mereka yang menyaksikan penurunan wahyu iaitu Rasulullah SAW dan para sahabat. Penggunaan akal atau ijtihad tidak boleh atau tidak mampu diterima untuk menghukumkan *Asbāb al-Nuzūl* ayat. *Asbāb al-Nuzūl* merujuk kepada latar belakang penurunan ayat al-Quran yang berdasarkan sesuatu peristiwa atau jawapan kepada persoalan hukum yang dituntaskan oleh Rasulullah SAW *Asbāb al-Nuzūl* secara terminologi adalah sesuatu yang menceritakan tentang sebab penurunan ayat atau ayat-ayat dan menjelaskan hukum ketika sesuatu peristiwa berlaku (Al-Zarqani 1988) atau sesuatu yang menyebabkan penurunan al-Quran yang memberikan penjelasan terhadap apa yang berlaku samada berbentuk peristiwa atau pertanyaan (Manna[◦] al-Qattān 2017). Manakala Mohd Nazri (2017) menukilkan pendapat Imam al-Suyūfī yang menyatakan *Asbāb al-Nuzūl* adalah suatu peristiwa yang berlaku dan menyebabkan penurunan ayat al-Quran pada hari terjadinya peristiwa. Frasa “pada hari terjadinya peristiwa (فى أيام وقوعه)” perlu dihubungkan dengan takrifan *Asbāb al-Nuzūl* untuk membezakan kewujudan ayat-ayat al-Quran yang diturunkan tanpa sebab dan mengecualikan penurunan ayat-ayat yang mengisahkan cerita-cerita umat terdahulu (Al-Zarqānī 1988; Al-Suyūfī 2002).

2. Metode Kajian

Kajian ini berbentuk kualitatif dengan menggunakan reka bentuk analisis kandungan terhadap periwayatan *Asbāb al-Nuzūl* yang merangkumi sumber primer iaitu *Tarjumān al-Mustafīd* dan sumber sekunder lain seperti *Tafsir al-Khāzin*, *Tafsir al-Jalālayn* dan *Tafsir al-Baidāwī* bagi mengumpul data yang dikehendaki. Data dianalisis secara deskriptif untuk mendapatkan maklumat berkaitan *Tarjumān al-Mustafīd*. Metode perbandingan antara *Tarjumān al-Mustafīd* dengan beberapa tafsir yang dianggap sebagai sumber rujukan penulisannya, juga diaplikasi untuk mendapatkan maklumat. Selanjutnya, melalui kajian ini, pembaca dapat untuk melihat metode dan kemampuan Shaykh Abdul Rauf memproses periwayatan *Asbāb al-Nuzūl* berdasarkan sumber rujukan yang beliau gunakan.

3. Shaykh [◦]Abdul Rauf dan *Tarjumān al-Mustafīd*

Pengarang Tafsir *Tarjumān al-Mustafīd* ialah Shaykh [◦]Abdul Rauf bin Ali al-Fansūri al-Singkīli al-Āshī al-Jāwī (Mohd Syukri 2008; Wan Nasyrudin 2008). Beliau terkenal dengan gelaran Teungku Syiah Kuala (Afriadi 2014) dan Qadi al-Malik al-Adīl (Mazlan et al. 2014). Rinkes melaporkan kelahirannya pada tahun 1024H/1615M (Wan Nasyrudin 2008).

Pendidikan awal Shaykh [◦]Abdul Rauf bermula di zawiyah ayahnya di desa kelahirannya Baru (Mohd Syukri 2008; Afriadi 2014). Kemudian beliau berpindah ke Banda Aceh dan berguru dengan Shaykh Hamzah al-Fansuri dan Shaykh Shamsuddin al-Sumaterani di Samudera Pasai. Beliau juga menekuni pengajian ilmu dari Shaykh Ibrahim al-Shāmi dan Shaykh Jamaluddin (Maidin) yang pernah menjadi mufti Aceh (Mohd Syukri 2008). Kembara Shaykh [◦]Abdul Rauf keluar negeri dicituskan oleh pergolakan yang berlaku di Aceh. Beliau berkelana ke negara Qatar, Yaman, Jeddah, Mekah dan Madinah dan berguru dengan 29 ulama (Elit Ave 2010).

Tarjumān al-Mustafīd adalah bukti ketokohan Shaykh [◦]Abdul Rauf dalam bidang tafsir. Elit Ave (2010) memetik pendapat Peter Riddle, bahawa *Tarjumān al-Mustafīd* adalah kombinasi yang baik daripada penyusun berdasarkan sumber rujukan *Tafsir al-Jalālayn* yang menjadi sandaran maklumat dan *Tafsir Al-Baidāwī* serta *Tafsir al-Khāzin* yang menjadi tambahan informasi. Penggunaan kitab-kitab tersebut dalam *Tarjumān al-Mustafīd* kerana kitab-kitab ini tersebar luas di seluruh dunia Islam dan menjadi rujukan ulama *Sunni*. Arivaie (2018) juga berhujah pemilihan *Tafsir al-Jalālayn* sebagai salah satu sumber pentafsiran kerana Shaykh [◦]Abdul Rauf mempunyai jalur periwayatan Jalāluddīn al-Suyūfīy sama ada melalui gurunya Shaykh al-Qushāshī atau Shaykh al-Kurānī.

Beliau mempelajari seni bacaan al-Quran daripada seorang guru yang dimasyhurkan sebagai qari terbaik pada zaman itu iaitu Shaykh Abdullah al-[◦]Adanī (Ali 2009). Hasilnya, *Tarjumān al-Mustafīd* ditafsir dengan olahan ilmu *qirāat*. Keunikan tafsir ini juga ditonjolkan melalui pendekatan analisis bahasa. Shaykh [◦]Abdul Rauf telah mengaplikasikan ilmu *qirāat* yang membuktikan bahawa beliau adalah ulama yang memiliki kepakaran dalam bidang tersebut (Afriadi 2014).

Shaykh °Abdul Rauf meninggal dunia pada tahun 1693, pada zaman pemerintahan Sultanah Kamalat Syah (1688-1699M) dan dimakamkan di zawiyah Shaykh Kuala (Mohd Syukri 2008). Masyarakat Aceh mengabadikan namanya pada sebuah Universiti di Darussalam, Banda Aceh iaitu Universiti Syiahkuala (Shaykh Kuala), tanda pengiktirafan terhadap jasa dan ketokohnya. Para sarjana menyenaraikan karya penulisannya sebanyak 22 buah (Afriadi 2014), 25 buah (Wan Nasyrudin et al. 2014) atau 47 naskhah (Mohd Syukri 2008) dalam pelbagai bidang antaranya tasawuf, fiqh, tafsir hadith dan teologi.

Turjuman al-Mustafid adalah bukti ketokohan Shaykh Peninggalan *Tarjumān al-Mustafid* sebagai naskah tafsir al-Quran yang pertama, lengkap 30 juzuk dalam bahasa Melayu pada pertengahan kedua abad ke-17M, yang menjadi rujukan umat Islam khususnya masyarakat Aceh selama tiga abad (Azyumardi 2014). Penelitian ulama dan keperluan masyarakat membawa kepada usaha pentashihan, penyalinan, percetakan dan penambahbaikan karya ini. Sejarah mencatatkan Syeikh Ahmad al-Fatani, Syeikh Idris al-Kalantani dan Syeikh Daud bin Ismail al-Fatani melakukan pentashihan terhadap *Tarjumān al-Mustafid* (Erwan 2007). Di samping itu, Shaykh Ahmad al-Fatani juga memperkembangkannya melalui penerbitan dan percetakan dengan bantuan Sultan Turki Uthmaniyyah pada zaman tersebut (Wan Nasyrudin et al. 2014; Afriadi 2014; Suarni 2015). Pentashihan juga dilakukan oleh Syeikh Muhammad Idris Abdul Rauf al-Marbawi al-Azhari (Mazlan et al. 2014). Sementara itu, Baba Daud al-Jawi bin Ismail, Agha Mustafa Bin Agha Ali al-Rumi dan Syeikh Abdul Malik bin Abdullah (Tok Ku Pulau Manis) tidak ketinggalan untuk memberi sumbangan di peringkat penyalinan karya ini. (Wan Mohd Shaghir 1991).

Kredibiliti Shaykh °Abdul Rauf sebagai ulama masyhur di Nusantara adalah impak daripada pengembaraan ilmiah keluar negara, yang membolehkan beliau berguru dengan ulama yang hebat. Pendidikan awal yang diterima daripada ayahandanya dan cendekiawan tempatan, telah mempersiapkannya untuk menempuh perjalanan ilmiah tersebut. Beliau bukan sahaja seorang mufti, bahkan masyarakat Aceh mengiktirafnya sebagai tokoh negarawan kerana sumbangannya yang besar kepada masyarakat dan negara. Lahirnya *Tarjumān al-Mustafid*, telah berjaya menyerlahkan keilmuan dan keintelektualannya serta menarik minat para sarjana untuk mengkaji karya tersebut.

4. Analisis Penulisan *Asbāb Al-Nuzūl Tarjumān Al-Mustafid*

Kajian ini merujuk kepada Mushaf al-Quran al-Karim yang diiringi dengan *Hamisy Tafsiir Tarjumān al-Mustafid* cetakan Raja Publishing Jakarta 1435H/ 2014M sebagai panduan dan rujukan utama. Buku ini terdiri daripada 621 muka surat yang dibahagikan kepada dua bahagian. Bahagian pertama terdiri daripada *Surah al-Fatihah* hingga *Surah al-Isra'* manakala bahagian kedua terdiri daripada *Surah al-Kahfi* kepada *Surah al-Nas*.

Shaykh °Abdul Rauf menyatakan *Asbāb al-Nuzūl* ayat dengan mendatangkan sumber ambilannya. Di antara sumber ambilannya ialah *Tafsiir al-Khāzin* dan *Tafsiir al-Baydhāwi*. Namun ada juga penulisan *Asbāb al-Nuzūl* di dalam kitab ini tidak dinyatakan sumber ambilannya (Wan Nasyrudin 2008), yang memerlukan pengkaji merujuk kepada kitab tafsir yang lain untuk mengenal pasti sumber pengambilan *Asbāb al-Nuzūl*. Penelitian mendapati rujukan *Tarjumān al-Mustafid* kepada *Tafsiir al-Khāzin*, *Tafsiir al-Jalālyn*, *Tafsiir al-Thalabi*, *Tafsiir al-Wajiz*, *Tafsiir Mujāhid* dan *Tafsiir al-Tabari* (Mohd Sholeh et al 2017). Sementara itu Wan Nasyrudin (2008) mencatatkan data *Asbāb al-Nuzūl* dalam *Tarjumān al-Mustafid* berjumlah 174, dengan taburan 110 yang terdiri daripada *Tafsiir al-Jalālyn*, 57 *Tafsiir al-Khāzin* dan 7 *Tafsiir al-Baydhāwi*. Namun begitu periwatan *Asbāb al-Nuzūl* tidak dinyatakan dengan sempurna dan lengkap kerana ketiadaan penjelasan tentang sanad dan matan hadith (Suarni 2015). Pengarang hanya menterjemahkan matan hadith sahaja ke dalam bahasa Melayu. *Asbāb al-Nuzūl* merupakan sebahagian disiplin ilmu hadith. Kesahihan sesuatu riwayat perlu ditentukan melalui kacamata dan neraca ilmu hadith.

Berikut dijelaskan metode yang digunakan *Shaykh °Abdul Rauf* menukilkan riwayat-riwayat *Asbāb al-Nuzūl*:

4.1 Pengarang tidak mencatatkan teks atau matan hadith.

Kebanyakan riwayat *Asbāb al-Nuzūl* dikemukakan hanya secara terjemahan atau maksud dari kenyataan yang bersumberkan hadith dalam kitab-kitab tafsir. Terjemahan dan maksud hadith dipersembahkan dalam bentuk nukilan daripada riwayat yang asal supaya kandungan tafsir ini tidak panjang dan bersaiz sederhana justeru dapat menarik minat pembaca memahami maklumat yang diketengahkan. Walaupun begitu, pengarang masih mengekalkan nukilan periwatan untuk memudahkan pengkaji membuat komentar status periwatan hadith.

Aplikasi metode ini dapat diperhatikan dalam *surah al-Hujurat*: 49 ayat 1:

[*Syahdan*] Adalah makna ayat ini dan sebab turunnya atas yang diriwayatkan daripada Abdullah ibn Zubayr bahawasanya datang satu jamaah daripada Bani Tamim kepada Nabi SAW maka kata Abu Bakar yang memerintahkan pekerjaan mereka Qa°qa° ibn Ma°bad ibn Zurārah dan kata Umar tetapi yang memerintahkan dia Aqra° ibn Hābis kata Abu Bakar tiada kau kehendak melainkan menyalahi daku jua dan kata Umar tiada ku kehendak menyalahi dikau maka berbantahlah keduanya hingga nyaringlah suara keduanya maka turunlah firman Allah Taala (Abdul Rauf 2014 : 516)

Terjemahan pengarang berdasarkan teks Arab di bawah:

عن عبد الله بن الزبير أخبره : أنه قدم ركب من بني تميم على النبي - صلى الله عليه وسلم - فقال أبو بكر : أمر القعقاع بن معبد بن زرارة . وقال عمر : بل أمر الأقرع بن حابس ، فقال أبو بكر : ما أردت إلا خلافي . فقال عمر : ما أردت خلافك ، فتماريا حتى ارتفعت أصواتهما ، فنزلت في ذلك .

(Al-Khazin 2004: Jld 4: 175)

Terjemahan di atas menunjukkan pengarang masih mengekalkan struktur kata demi kata dan ayat di antara teks Arab yang dirujuk dan teks terjemahan.

4.2 Pernyataan sumber riwayat *Asbāb al-Nuzūl* tidak disertakan.

Semua riwayat *Asbāb al-Nuzūl* tidak dinyatakan sumber rujukan daripada kitab-kitab hadith melainkan pengarang hanya menyebut sumber dari kitab tafsir seperti seperti *al-Khāzin*, *al-Baidāwiy* dan *al-Baghawiy*. Kitab-kitab tafsir ini bukan sumber asal rujukan hadith seperti *Tafsir al-Tabarī* atau sumber yang menyerupai asal seperti *Tafsir Ibn Kathīr* (Faisal 2016).

Pengarang tidak menyatakan nama sahabat RA yang meriwayatkan *Asbāb al-Nuzūl*. Contohnya ketika pengarang menerangkan *Asbāb al-Nuzūl surah al-Baqarah*: 2 ayat 144 iaitu :

[*Kata mufassir*] tersebut dalam *Khāzin* adalah sebab turun ayat ini adalah Nabi SAW dan segala sahabatnya adalah mereka itu sembahyang di Mekah menghadap kepada kaabah maka tatkala berpindah Nabi ke Baitul Maqdis supaya jinak dengan yang demikian itu segala Yahudi apabila sembahyang ia menghadap kepada kiblat

(Abdul Rauf 2014 : 23)

4.3 Penulisan *Asbāb al-Nuzūl* dalam bentuk terjemahan teks.

Kebanyakan riwayat *Asbāb al-Nuzūl* dalam tafsir ini diterjemahkan secara semantik ke dalam bahasa Melayu. Terjemahan semantik mengikut pendapat Muhammad Fauzi adalah bermaksud penterjemah berusaha untuk menghasilkan terjemahan yang tepat dan se hampir mungkin dengan teks asal (Nurul Wardah Nazifah et al. 2018). Fakta ini dapat dikesan dalam perbincangan kebanyakan data *Asbāb al-Nuzūl*. Sebagai sebuah kitab tafsir berbahasa Melayu, metode yang diutarakan ini secara langsung dapat memberi maklumat dan kefahaman yang mudah kepada para pembaca yang berorientasikan penduduk Nusantara. Inilah tujuan karya dihasilkan sedemikian rupa (Wan Nasyrudin 2008).

Contoh yang menyokong pernyataan ini boleh kita dapati antaranya dalam surah al-Baqarah: 2 ayat 222:

[*Qissah*] Bahawasanya adalah ahli jahiliyyah tiada mereka itu mau sedudukan dan tiada makan dengan segala perempuan yang haid hingga bertanya seorang kepada Rasulullah SAW turun firman Allah Taala

(Abdul Rauf 2014: 36)

Terjemahan teks ini diambil daripada rujukan berikut:

عن انس أن اليهود كانوا اذا حاضت المرأة فيهم لم يوءاءكلوها ولم يجامعوها في البيوت فسأل اصحاب رسول الله ﷺ النبي ﷺ فأنزل الله عز وجل (ويسألونك عن المحيض الخ الآية)

(Al-Khāzin 2004: Jld 1: 153)

Walaupun terjemahan tersebut tidak mengikut struktur ayat teks yang dirujuk, namun pembaca dapat memahami dengan baik maklumat yang hendak disampaikan.

4.4 Ketiadaan ulasan dan penilaian status hadith *Asbāb al-Nuzūl*.

Pengarang tidak membuat sebarang kritikan berhubung dengan kedudukan dan status hadith *Asbāb al-Nuzūl* sama ada *sahīh* atau *daʿīf*. Demikian juga beliau tidak mengutarakan apa-apa penjelasan tentang kesesuaian dan keserasian antara riwayat dan ayat al-Quran. Gaya penulisan Shaykh ʿAbdul Rauf dikesan mengikuti metode penulisan tafsir zaman *tabiʿīn* yang tidak memfokuskan periwayatan sanad. Praktikal metode ini juga diikuti oleh ulama Nusantara lain, antaranya Muhammad Saʿid bin Umar tatkala menulis *Asbāb al-Nuzūl* dalam kitab tafsirnya (Mohd Nazri & Mohd Faizulamri 2018). Contoh pernyataan ini pada *surah al-Nisa*: 4 ayat 32:

[*Qissah*] Bahawa adalah turun ayat ini tatkala dikata oleh Salamah hai kiranya kami jadi laki-laki maka perangi kami dan adalah bagi kami seperti yang bagi laki-laki daripada pahala

(Abdul Rauf 2014 : 84).

Pernyataan ayat di atas hanya memfokuskan kepada teks *Asbāb al-Nuzūl*.

4.5 Teknik pengambilan dan pengolahan maklumat *Asbāb al-Nuzūl*

Pertama : Pengarang mengambil kutipan data *Asbāb al-Nuzūl* dan menterjemah teks asal daripada sumbernya tanpa mengurang atau menambah penafsiran. Contohnya dalam *surah al-Nisa*: 4 ayat 51 :

[*Qissah*] Tatkala *Kaʿb ibn al-Asyraf* dan yang sepertinya daripada segala ulama Yahudi datang mereka itu ke Mekah dan telah hadir mereka itu segala yang terbunuh di dalam Badar telah disuruh mereka itu segala Musyrik menuntut balas dan memerangi Nabi SAW maka turun firman Allah Taala

(Abdul Rauf 2014:87)

Pernyataan tersebut berpandukan teks Arab dibawah:

ونزل في كعب بن الأشرف ونحوه من علماء اليهود لما قدموا مكة وشاهدوا قتلى بدر وحرصوا المشركين على الأخذ
بثأرهم ومحاربة النبي صلى الله عليه وسلم

(Al-Mahalli & Al-Suyuti t.h : 109)

Pengarang dikesan menukulkan ayat tersebut dari *Tafsir al-Jalālayn* berdasarkan terjemahan secara kata demi kata dan mengekalkan bentuk asal teks sumber. Metode ini digunakan terutamanya pada pernyataan dan nukilan *Asbāb al-Nuzūl* yang ringkas dan padat.

Kedua: Pengarang menukulkan teks dari kitab-kitab tafsir yang menjadi rujukan, kemudian beliau menggugurkan sebahagian teks yang asal. Terjemahan ini dikategori sebagai terjemahan harfiah yang diubah suai dengan penambahan dan pengguguran perkataan tertentu (Nurul Wardah Nazifah et al. 2018). Aplikasi penulisan ini terdapat pada *surah al-ʿImrān*: 3 ayat 152:

[*Qissah*] Tersebut di dalam *al-Khāzin* tatkala kembali Rasulullah SAW serta segala sahabatnya daripada perang Uhud pada hal telah mengenai ia akan mereka itu barang yang mengenai maka kata setengah daripada segala sahabatnya di mana jalan mengenai kita bala ini pada halnya sudah dijanjikan Allah akan kita tolongannya maka turun firman Allah Taala.

(Abdul Rauf 2014: 70)

Terjemahan ini berdasarkan teks berikut:

قال محمد بن كعب القرظي : لما رجع رسول الله ﷺ واصحابه من أحد الى المدينة وقد اصابهم ما اصابهم قال ناس من
الصحابه من أين أصبنا وقد وعدنا الله النصر فانزل الله تعالى : (ولقد صدقكم الله وعده)

(Al-Khazin 2004 : Jld 1 : 307)

Pengarang telah menggugurkan nama *Muhammad ibn Kaʿab al-Quraziy* dan perkataan Madinah dan mengekalkan kandungan teks yang diterjemah.

Ketiga: Pengarang merujuk teks daripada kitab-kitab tafsir berbahasa Arab tetapi memproses teks tersebut menjadi teksnya sendiri. Praktikal penulisan ini adalah terjemahan bebas yang lebih mementingkan isi dan maklumat yang ingin disampaikan berbanding dengan struktur ayat teks asal (Nurul Wardah Nazifah et al. 2018). Perhatikan *surah al-Nisa*: 4 ayat 66:

[*Qissah*] Tersebut di dalam *Khāzin* tatkala dikata seorang daripada Yahudi akan Syamās demi Allah telah difardhukan Allah Taala atas kami membunuh diri dan keluar daripada kampung maka telah kami kerjakan maka kata Syamās demi Allah jikalau difardhukan Allah Taala atas kami yang demikian itu nescaya kami kerjakan dan ialah setengah daripada yang sedikit yang diistisna'kan Allah Taala maka turun firman Allah

(Abdul Rauf 2014:89).

Terjemahan di atas merujuk kepada teks berikut:

نزلت في ثابت بن قيس بن شماس وذلك أن رجلا من اليهود قال : والله لقد كتب علينا القتل والخروج ففعلنا فقال ثابت : والله لو كتب الله علينا لفعلنا وهو من القليل الذي استثنى الله وقيل لما نزلت هذه الآية قال عمر وعمار بن ياسر وابن مسعود وناس من أصحاب رسول الله ﷺ وهم القليل الذين ذكرهم الله والله لو أمرنا لفعلنا والحمد لله الذي عافانا بذلك النبي ﷺ

(al-Khāzin 2004: Jld 1: 397)

Terjemahan teks dilakukan tidak mengikut turutan kata demi kata tetapi masih mengekalkan struktur ayat. Hal demikian dilakukan supaya maksud teks tidak terpesong daripada kehendak teks dari sumber rujukan asal. Pengarang mengugurkan nama-nama sahabat RA seperti Saidina Umar, °Ammār dan Ibnu Mas°ud. Fokus diberikan kepada penceritaan dalam teks.

5. Kesimpulan

Analisis dan kajian ini menunjukkan *Tarjumān al-Mustafīd* merupakan karya tafsir impak daripada integrasi terjemahan dan pentafsiran berbahasa Melayu. Pengarang merujuk matan asal *Asbāb al-Nuzūl* dalam bahasa Arab, kemudian mengolah data tersebut berdasarkan terjemahan kata demi kata, terjemahan harfiah dan terjemahan bebas. Pengarang tidak berpada dengan satu bentuk terjemahan sahaja. Beliau dilihat mempelbagaikan cara terjemahan dengan olahan data supaya pembaca dapat memahami maklumat yang ingin disampaikan dengan mudah atau secara langsung. Kajian juga menunjukkan pengarang tidak menyatakan sumber dan kritikan terhadap riwayat yang dibawa. Hal demikian adalah praktikal penulisan dalam kebanyakan kitab tafsir pada zaman itu. Penggunaan kosa kata tertentu seperti *qissah*, *kata mufassir* dan *tersebut* memberi petunjuk bahawa maklumat susulan adalah berkaitan *Asbāb al-Nuzūl*. Penggunaan kalimah tersebut berdasarkan idea pengarang tersendiri yang dapat menarik perhatian pembaca. Aplikasi metode ini menyerlahkan keistimewaan dan keunikan *Tarjumān al-Mustafīd*.

Tuntasnya, Shaykh °Abdul Rauf memiliki penguasaan ilmu tafsir apabila melihat disiplin penafsirannya. Beliau menggunakan ayat-ayat al-Quran dalam bahasa Arab sebelum diterjemahkan dan dibahaskan ke dalam bahasa Melayu dengan bahasa yang mudah. Beliau membuat pentafsiran ayat dengan kutipan data *Asbāb al-Nuzūl* dan *qirāat*. Proses ini mempercepatkan pemahaman dan penghayatan makna ayat dalam al-Quran.

RUJUKAN

- Abdul Rauf Ibn Ali Al-Fansuri Al-Jawi. 2014. *Al-Quran al-Karim wa Bihāmisiyihī Tarjumān al-Mustafīd*. Tahqiq: Muhammad Idris Abdul Rauf al-Marbawi al-Azhari. Jakarta: Raja Publishing.
- Afriadi Putra. 2014. Khazanah Tafsir Melayu (Studi Kitab Tafsir Tarjumān Al- Mustafīd Karya Abd Rauf Al-Sinkili). *Jurnal Syahadah* 2(2). 69-88
- Al-Khāzin, Ala al-Din Ali bin Muhammad bin Ibrahim al-Baghdadiy. 2004. *Tafsir al-Khāzin*. Tahqiq: Abd al-Salām ibn Muhammad °Ali al-Syahīn. Lubnan: Dar al-Kutub al-Ilmiah.
- Al-Mahallī, Muhammad ibn Ahmad ibn Muhammad & al-Suyūtī, Abdul Rahman ibn Abī Bakr. t.th. *Tafsīr al-Quran al-Azīm li al- Imāmīn al-Jalīlayn*. Fatānī: Matba°ah Halābi.
- Al-Sayūtī, Jalaluddin. 2002. *Lubāb al-Nuqūl Fī Asbāb al-Nuzūl*. Beirut Lebanon: Muassasah al-Kutub al-Thaqāfiyyah.
- Al-Zarqāni, Muhammad Abdul Azim.1996. *Manahīl °Irfān Fī Ulūm al-Quran*. Al-Mansurah: Maktabah al-Iman.
- Ali Mohammad. 2009. Peranan Ulama Dalam Memartabatkan Tamadun Islam Di Nusantara : Tumpuan Terhadap Abdul Rauf Singkel. *Journal Al-Tamadun* 4(1): 81–98.

- Arivaie Rahman. 2018. Tafsir Tarjumān Al- Mustafid Karya Abd Al-Rauf Al-Fanshuri: Diskursus Biografi, Kontestasi Politis-Teologis dan Metodologi Tafsir. *Miqot* XIII(1): 1–22.
- Azyumardi Azra. 2014. *Jaringan Ulama Timur Tengah dan Kepulauan Nusantara Abad XVII dan XVIII: Akar Pembaharuan Islam Indonesia*. Jakarta: Kencana.
- Elit Ave Hidayatullah. 2010. *Biografi Abdul Ra'uf al-Singkili dalam bidang hadith: Analisis teks pilihan al-Maw'iz al-Badi'ah*. Tesis Sarjana Akademik Pengajian Islam Universiti Malaya Kuala Lumpur.
- Ervan Nurtawab. 2007. *Discourse on Translation in Hermeneutics : Its application to the analysis of Abdurrauf 's Turjuman al-Mustafid*, Tesis Sarjana Universiti Islam Syarif Hidayatullah Jakarta.
- Faisal Ahmad Shah. 2016. *Takhrij Hadith: Teknik Tepat Pencarian Hadith Dan Penentuan Hukum*. Kuala Lumpur: Jabatan Al-Quran dan al-Hadith Akademik Pengajian Islam Universiti Malaya.
- Haliza binti Ahmad Nowawi. 2009. *Asbāb Al-Nuzūl: Kajian perbandingan antara karya al-Wahidi dan al-Suyuti*. Tesis Sarjana Akademik Pengajian Islam Universiti Malaya.
- Irma Riyani & Yeni Huriani. 2017. Reinterpretasi Asbāb Al-Nuzūl bagi Penafsiran al-Quran. *Wawasan: Jurnal Ilmiah Agama dan Sosial Budaya* 2(1): 113-130
- Mannā° al-Qattān. 2017. *Mabāhith Fī Ulūm al-Quran*. Terj: Abdul Fatah bin Zakaria. Bangi Selangor: Darul Syakir Enterprise.
- Mazlan Ibrahim, Jawiah Dakir & Muhd Najib Abdul Kadir. 2014. *Pengenalan Tokoh-Tokoh Dan Kitab Tafsir Melayu Ulama Nusantara*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd Nazri Ahmad & Mohd Faizulmri Mohd Saad. 2018. Metodologi Muhammad Sa°id Umar Terhadap Periwiyatan Hadith-Hadith Asbāb al-Nuzūl Dalam Tafsir Nurul Ihsan. *Jurnal al-Turath* 3(1): 12–23.
- Mohd Nazri Bin Ahmad. 2017. *Tahqīq Asbāb Al-Nuzūl Di Dalam Tafsir Nurul Ihsan*. Tesis PhD Fakulti Pengajian Islam Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd Sholeh Sheh Yusuff, Yusuff Haji Othman, Mat Rani Abdul Manaf & Mohamad Hazli Ismail. 2017. Sabab Nuzul Ayah (The Contexts and Occasions of the Revelation of the Quran) at Tafsir Tarjumān Al-Mustafid: A Genetic Approach in Surah Al-Baqarah. *International Journal of Humanities and Social Science* 7(8): 79–85.
- Mohd Syukri Yeoh Abdullah. 2008. *Pemikiran Dakwah Shaykh Abdul Rauf Ali Al-Fansuri Al-Singkili*. Tesis PhD Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan Universiti Kebangsaan Malaysia Bangi.
- Napisah binti Mokhtar. 2003. *Kepentingan Asbāb Al-Nuzūl: Satu Kajian Terhadap Penyelewengan Tafsir Al-Quran*. Tesis Sarjana Akademik Pengajian Islam Universiti Malaya.
- Nurul Wardah Nazifah Razali, Suhaila Zailani @ Hj Ahmad, Salmah Ahmad & Maheram Ahmad. 2018. Kombinasi Pentafsiran dan Penterjemahan dalam Tarjuman Al-Mustafid. *International Journal of West Asian Studies* 10(3): 23–34.
- Suarni. 2015. Karakteristik Tafsir Tarjumān Al-Mustafid. *Substantia* 17 (Nomor 2): 159–167.
- Subhan. 2011. *Metode Dan Corak Penafsiran Abdul Rauf Al-Singkili*. Tesis Sarjana Fakultas Ushuluddin Universitas Islam Negeri Sultan Syarif Kasim Riau Indonesia.
- Wan Mohd Saghir Abdullah. 1991. *Khazanah Karya Pusaka Asia Tenggara*. Jilid 2. Kuala Lumpur: Khazanah Fataniyah.
- Wan Nasyrudin Wan Abdullah. 2008. *Tarjumān Al-Mustafid : Kajian Intertekstual*. Tesis PhD Jabatan Al-Quran dan Al-Hadith Akademik Pengajian Islam Universiti Malaya. Kuala Lumpur.
- Wan Nasyrudin Wan Abdullah, Mohd Syukri Yeoh Abdullah & Achyar Zein. 2014. *Intertekstualiti dalam Tarjumān al-Mustafid*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.